

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 2 , Halaman 24-33

Implikasi Pentafsiran *Qirā'āt Syādhah* Terhadap Ayat-Ayat Hukum Dalam Surah al-Baqarah : Kajian Kitab *Tafsir Al-Munīr* oleh Wahbah Al- Zuhaili

Implications of Qirā'āt Syādhah Interpretation of the Verses of the Law in Surah al-Baqarah : A Study of the Book of Tafsir Al-Munīr by Wahbah Al- Zuhaili

`Uqbah Bin Amer¹, Muhammad Zaid Bin Shamshul Kamar ², & Mohamad Redha Bin
Mohamad³, Siti Safiah Binti Ibrahim⁴

^{1,2,3}Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, uqbah@kuis.edu.my, muhammadzaid@kuis.edu.my, mohamadredha@kuis.edu.my, mohamadredha@kuis.edu.my.

⁴ Pelajar Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, 019-3993708.

Penulis penghubung: Uqbah bin Amer, Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, uqbah@kuis.edu.my

ABSTRACT

Variety in the recitation of qiraat can have an effect on a fiqh problem, especially in inferring Islamic law. This is because the qiraat is kalamullah contained in the book of the Quran. This study aims to find out the implications of the differences in the recitation of qiraat syadhdhah in determining the laws-hakam found in surah al-Baqarah. This research method is a qualitative method that uses the concept of biblical research. The results of this study show that the differences in the recitation of qiraat syadhdhah have a clear effect in issuing the hukum-hakam found in surah al-Baqarah. There are many laws that are inferred by scholars based on the face of qiraat mutawātirah or syadhdhah. Qiraat syadhdhah plays an important role in determining a law.

Keywords

Implikasi Pentafsiran, Qiraat Syadhdhah, ayat-ayat hukum, tafsir al-Munir

ABSTRAK

Kepelbagaian dalam bacaan Qiraat mampu memberi kesan dalam sesuatu permasalahan fikah terutamanya dalam mengistinbat hukum syarak. Ini kerana Qiraat itu merupakan *kalamullah* yang terkandung dalam kitab al-Quran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui implikasi perbezaan bacaan qiraat *syadhdhah* dalam



menentukan hukum-hakam yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Metode kajian ini ialah metode kualitatif yang menggunakan konsep kajian secara *kitābi*. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan bacaan qiraat *syadhdhah* memberi kesan yang jelas dalam mengeluarkan hukum-hakam yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Terdapat banyak hukum yang di *istinbat* oleh ulama` berdasarkan kepada wajah qiraat *mutawātirah* atau *syadhdhah*. Qiraat *syadhdhah* memainkan peranan penting dalam menentukan sesebuah hukum.

Kata Kunci

Implikasi Pentafsiran, Qiraat Syadhdhah, ayat-ayat hukum, tafsir al-Munir.

1.0 PENGENALAN

Kepelbagaian wajah qiraat di dalam al-Quran telah memberi kesan dalam sesuatu permasalahan fikah terutamanya dalam mengistinbat hukum syarak. Ini kerana qiraat itu merupakan *kalāmullah* yang terkandung dalam kitab al-Quran. al-Quran ialah kalam Allah yang bermukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril dalam bahasa Arab, diriwayatkan secara *mutawātir* dan membaca setiap hurufnya adalah ibadah, bermula dari Surah Al-Fatihah dan berakhir dengan Surah An-Naas. (H.M Nawawi, 1995)

Manakala qiraat pula bermaksud *قراءة* yang berasal dari masdar atau kata terbitan *قرأ* yang membawa makna bacaan. Manakala dari segi istilah, qiraat merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang cara-cara menyebut kalimah al-Qur'an bersandarkan dari ulama'-ulama' qiraat. *Syadhdhah* pula dari sudut bahasa membawa maksud bersendirian dan dari segi istilah ialah sesuatu yang berlawanan bagi *mutawātir* (Sabri, 2018).

Berdasarkan definisi di atas dapatlah kita fahami bahawa qiraat *syadhdhah* merupakan qiraat yang berlawanan dengan qiraat *mutawātirah*. Manakala qiraat *mutawātirah* itu mempunyai tiga ciri iaitu menepati bahasa arab sekalipun dari satu sudut, bertepatan dengan salah satu dari *Muṣṣḥaf Uthmāni* dan yang terakhir dan yang paling utama ialah mempunyai sanad qiraat yang sah.

Perbincangan berkenaan analisis fikah terhadap penggunaan qiraat *syadhdhah* dalam menentukan hukum yang terdapat dalam al-Quran memerlukan kepada penelitian yang mendalam. Menurut Zaid et al. (2022) Dalam urusan istinbat hukum fiqh atau pengeluaran hukum fiqh, disiplin ilmu qirāat mampu membantu memberi ketetapan terhadap hukum fiqh secara lebih terperinci. Para fuqaha tidak hanya bersandarkan kepada qirāat yang mereka amalkan sahaja untuk mengeluarkan hukum fiqh. Bahkan, mereka turut melihat kepada perbincangan qirāat yang lain.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Mengenalpasti kaitan perbezaan wajah qiraat dengan hukum-hakam yang terdapat dalam Surah al-Baqarah. Perbezaan wajah-wajah qiraat di dalam al-Quran telah memberi kesan dalam menentukan hukum sesuatu perkara itu. Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan berkenaan perbezaan wajah qiraat dan kesannya kepada hukum fikah, namun tidak banyak kajian yang membincangkan secara terperinci



berkenaan hukum-hakam yang berada di dalam surah al-Baqarah.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan konsep kualitatif iaitu kajian secara kepustakaan. Kajian dan pembacaan terhadap kitab-kitab utama dalam ilmu qiraat merupakan kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam menilai fakta dan data dengan terperinci. Disamping, menilai daripada beberapa buah dan mengambil data yang lebih tepat untuk dijadikan bahan dalam kajian ini.

Kajian lepas seperti kajian yang dilakukan oleh Wan Hakimin (2017) dalam artikel beliau mengulas dengan terperinci berkenaan kesan qiraat syadhah terhadap hukum-hakam dalam mazhab Imam Syafie. Hasil kajian menunjukkan, terdapat beberapa hukum dalam mazhab Syafie yang menjadi khilaf dengan pandangan mazhab lain kerana pengaruh perbezaan wajah qiraat yang diamalkan oleh Imam Syafie sendiri.

4.0 PENGENALAN SURAH AL-BAQARAH

Surah al-Baqarah merupakan surah yang kedua di dalam al-Quran selepas surah al-Fatihah. Surah al-Baqarah mengandungi 286 ayat, meletakkan sebagai surah yang 60 terpanjang di dalam al-Quran. Surah al-Baqarah tergolong di dalam surah-surah Madaniyyah, iaitu surah-surah yang diturunkan selepas penghijrahan Nabi SAW ke Madinah. Ia sebagaimana surah-surah Madaniyyah yang lain, banyak membentuk dan memperbaiki sistem dan undang-undang yang bersifat syariat, yang amat diperlukan oleh orang Islam dalam kehidupan bermasyarakat (Al-Şābūniy, 1979).

Al-Baqarah yang bermaksud lembu di dalam bahasa Arab, diambil sempena memperingati salah satu mukjizat Nabi Musa a.s ketika berdepan dengan Bani Israil. Peristiwa ini bermula apabila salah seorang Bani Israil dibunuh tanpa diketahui siapakah pembunuhnya. Lalu mereka meminta bantuan Nabi Musa a.s mencari pembunuhnya (al-Şābūniy, 1997)

Abu Ja'far bin az-Zubair al-Gharnathi berpendapat bahwa surah ini dengan segala rahsianya adalah "Penjelasan tentang jalan yang lurus dengan sempurna tanpa tertinggal sedikit pun, dan penjelasan mulianya orang yang mengambil (pelajaran) darinya dan buruknya orang yang menjauhkan diri darinya." Manakala al- Tāhir bin 'Asyūr berpendapat bahawa tujuan terbesar surah ini terbahagi menjadi dua bahagian, yaitu untuk menetapkan martabat agama ini (Islam) di atas agama terdahulu dan kemuliaan petunjuk dan norma-norma penyucian jiwa di dalamnya. Tujuan yang kedua ialah untuk menjelaskan hukum-hukum agama ini dan maslahatnya kepada para pengikutnya." (Muştafa Muslim, 2010)

Surah ini banyak mengisahkan hukum-hakam dan syariat seperti perintah mengerjakan solat; menunaikan zakat; hukum puasa; hukum haji dan umrah; hukum qisas; hal-hal yang halal dan yang haram; bernafkah di jalan Allah; hukum arak dan judi; cara menyantuni anak yatim, larangan riba; hutang piutang; nafkah dan yang berhak menerimanya; wasiat kepada dua orang ibu-bapa dan kaum kerabat; hukum sumpah; kewajiban menyampaikan amanat; sihir; hukum merosakkan masjid; hukum mengubah kitab-kitab Allah; hukum haid, idah, talak, khuluk, ilaa' dan



hukum susuan; hukum melamar, mahar, larangan mengahwini wanita musyrik dan sebaliknya; hukum perang.

Surah ini juga ada menceritakan kisah Nabi Adam a.s., Nabi Musa a.s. dan Nabi Ibrahim a.s. serta larangan akan bulan haram. Perkara utamanya adalah berdakwah kepada kaum musyrik dan Yahudi Madinah serta memberi amaran kepada mereka serta kepada kaum munafik akan ketentuan Allah kepada mereka yang tidak beriman kepada-Nya.

5.0 HUKUM-HAKAM YANG BERKAITAN DENGAN QIRAAT SYADHDHAH

Artikel ini membincangkan 2 sampel ayat yang mengandungi hukum fikah berserta perbahasan yang melibatkan qiraat syadhdhah untuk menunjukkan kaitannya dengan pentafsira ayat berkaitan hukum. Perbahasan di bawah ini berpandukan pandangan Wahbah Zuhaili dan kitab tafsirnya *al-Tafsīr al-Munīr*

5.1 Hukum Sumpah *Īlā'* (إيلاء)

Firman Allah swt:

﴿لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَائِهِمْ تَرُصُّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ فَإِنْ فَاءُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya: “Kepada orang-orang yang meng-*ila'* isterinya diberi tangguh empat bulan (lamanya). Kemudian jika mereka kembali (kepada isterinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

(Surah al-Baqarah 2:226)

Īlā' dari segi bahasa ialah sumpah. Manakala dari segi istilah syarak ialah seorang suami bersumpah tidak akan mencampuri isterinya lebih dari empat bulan. Misalnya dia berkata: “Demi Allah aku tidak akan mendekatimu, demi Allah aku tidak akan menggaulimu,” dan ucapan yang selain daripadanya (Mustafa Al Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji, 2000).

5.1.1 Sebab Turun Ayat

Īlā' merupakan kebiasaan orang-orang Arab *jāhiliyah*, seorang laki-laki bersumpah tidak akan mendatangi istrinya setahun atau dua tahun atau selamanya atau dalam waktu yang tidak ditentukan dengan maksud menyakiti istrinya dan membiarkan istrinya tergantung tanpa suami dan tidak pula diceraikan. Perbuatan yang seperti ini menyebabkan status isteri menjadi tidak jelas, sehingga membawa kemudharatan bagi isterinya. Kes seperti ini kemudian diperbaiki oleh Islam dengan dijadikannya sumpah *ila'* yang berakhir dengan masa empat bulan. Apabila suami kembali kepada istrinya sebelum habis masa empat bulan tersebut berarti ia melanggar sumpahnya dan suami wajib membayar denda kafarat. (Wahbah Zuhaili, 2013).



Imam Muslim (t.t) dalam kitab sahihnya meriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah melakukan *ilā* serta menjatuhkan talak. Sebab musabab baginda melakukan *ilā* adalah kerana isteri-isterinya meminta baginda memberi mereka nafkah yang sebetulnya baginda tidak mampu untuk memberikannya (Wahbah al-Zuhaili, 2013). Imam Ibn Majah (2009) meriwayatkan satu hadis yang menunjukkan sebab yang lain, iaitu Zainab menolak hadiah pemberian Rasulullah SAW, sehingga baginda marah dan melakukan *ilā* kepada isteri-isterinya.

5.1.2 Perbezaan Qiraat

Menurut Abū Ḥayyān (1999) terdapat khilaf Qiraat Mutawatirah dan Qiraat *Syadhdhah* di dalam ayat tersebut, iaitu pada kalimah (يُؤْلُونَ) iaitu :

1. (يُؤْلُونَ) dibaca seperti asal. Jumhur ulama' mengatakan bahawa ini adalah Qiraat *Mutawatirah*.
2. (يُؤْلُونَ) dibaca dengan (يُؤْسُونَ). Ini merupakan Qiraat *Syadhdhah* yang dibaca oleh Ibnu Abbas dan Ubai bin Ka'ab.

5.1.3 Kesan Bacaan Qiraat Terhadap Hukum ' *ilā* Menurut Pandangan *Fuqahā*'

1. Mazhab Syafie

Menurut Imam Syafie di dalam *qaul jadidnya* hanya sah kalau diucapkan dengan sumpah nama Allah sahaja. Dalilnya, daripada Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَدْرَكَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، وَهُوَ يَسِيرُ فِي رَكْبٍ، يَخْلِفُ بِأَبِيهِ، فَقَالَ: «أَلَا إِنَّ اللَّهَ يَنْهَأكُمْ أَنْ تَخْلِفُوا بِآبَائِكُمْ، مَنْ كَانَ حَالِفًا فَلْيَخْلِفْ بِاللَّهِ أَوْ لِيَصْمُتْ»

Maksudnya: Bahawasanya Rasulullah saw berjumpa dengan Umar bin al-Khattab yang sedang berjalan sambil bersumpah dengan nama bapanya, lantas Rasulullah saw bersabda; bukankah Allah melarang kamu semua bersumpah dengan nama bapa-bapa kamu. Barangsiapa bersumpah, hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah swt, kalau tidak, hendaklah dia diam”.

(Sahih Bukhari, No. Hadis 6646)

2. Mazhab Maliki dan Hanafi

Ilā sah dengan sumpah untuk tidak menyetubuhi isteri dengan talak, atau pemerdekaan, atau nazar sedekah harta, atau haji dan zihar. Dalilnya adalah: “Setiap sumpah yang menghalangi *jima*’ adalah *ilā*’”. Demikian pula setiap orang yang bersumpah dengan nama Allah swt atau salah satu sifatNya, misalnya dengan ungkapan أَقْسِمُ بِاللَّهِ (aku bersumpah dengan nama Allah) atau أَشْهَدُ بِاللَّهِ (aku bersaksi dengan nama Allah), maka ini adalah lafaz *ilā*’ yang sah.

3. Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali menyatakan bahawa hukum *ilā*’ tidak sah dengan sumpah dengan talak dan pemerdekaan. Dalilnya adalah bacaan Qiraat *Syadhdhah* daripada ‘Ubaid an ibn ‘Abbas لِّلَّذِينَ



يُؤْلُونَ sebagai ganti kepada يُؤْلُونَ. Jika suami bersumpah dengan nama Allah swt bahawa dia tidak akan menyetubuhi isterinya dan dia mengucapkan *Insyaa' Allah*, maka ia tidak dianggap sebagai iilaa, kerana kalimah *Insyaa' Allah* itu adalah membatalkan sumpah dan orang yang sudah bersumpah itu seakan-akan tidak bersumpah. Demikian pula jika dia bersumpah dengan nama Nabi, Malaikat atau Ka'bah bahawa dia tidak menyetubuhi isterinya, maka ia tidak dikira sebagai melakukan *ilā'*.

3.1.1 Pandangan Rājih

Kesemua mazhab berpendapat bahawa jika berlakunya hukum sumpah *ilā'* maka diwajibkan kepada ia menyebut nama Allah swt. Namun pendapat yang paling rajih adalah mazhab Syafie, mazhab Maliki dan mazhab Hanafi, kerana mereka berpegang pada Qiraat *Mutawātirah* (Wahbah al-Zuhaili, 2013)

6. HUKUM MENUNAIKAN UMRAH

Firman Allah swt:

﴿وَأَمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِفُوا زُرُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِنْ رَأْسِهِ فَفِدْيَةٌ مِنْ صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةً إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ذَلِكَ لِمَنْ لَمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya: Dan sempurnakanlah ibadah haji dan 'umrah kerana Allah. Jika kamu terkepung (terhalang oleh musuh atau kerana sakit), maka (sembelihlah) korban yang mudah didapat, dan jangan kamu mencukur kepalamu, sebelum kurban sampai di tempat penyembelihan.

(Surah al-Baqarah 2: 196)

6.1 Definisi Umrah Dan Sebab Penurunan Ayat

Umrah menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud ibadat yang mengandungi beberapa perbuatan iaitu ihram, tawaf, sai' dan *tahallul* tanpa wukuf dan wajib-wajib haji. Umrah menurut syarak ialah menziarahi Kaabah di Mekah pada bila-bila masa sepanjang tahun untuk mendekati Allah SWT dan bermula umrah itu dengan niat memakai ihram menuju ke *Makkah al-Mukarramah* untuk melakukan tawaf, sa'i dan bercukur mengikut syarat-syarat dan rukun-rukun yang sempurna (Hashim bin Mohamed Al-Khred, 2000).

Wahbah al-Zuhaili (2013) menukilkan riwayat Ibn Hatim tentang penurunan ayat 196 surah al-Baqarah adalah berpunca dari pertanyaan seorang lelaki kepada Rasulullah saw mengenai apa yang perlu dilakukan di dalam ibadat umrah lantas baginda bersabda:



أَلْقِ عَنْكَ ثِيَابَكَ، ثُمَّ اغْتَسِلْ وَاسْتَ نَشِقْ مَا اسْتَطَعْتَ، ثُمَّ مَا كُنْتَ صَانِعًا فِ حَجِّكَ، فَاصْنَعُهُ فِي عُمْرَتِكَ

Maksudnya: Lepaskanlah pakaianmu, lalu mandilah dan hiruplah air dengan hidung lalu keluarkan lagi, selanjutnya apa pun yang kau kerjakan dalam hajimu kerjakan pula dalam umrahmu.

(Sahih Muslim.No Hadis, 1218)

6.2 Perbezaan Qiraat

Menurut Abū Ḥayyān (1999), khilaf Qiraat *Syadhdhah* yang terdapat di dalam ayat tersebut ialah pada kalimah (والعمرة). Terdapat beberapa wajah qiraat yang terdapat pada kalimah tersebut, iaitu :

1. Perkataan (وَالْعُمْرَةَ) dibaca dengan baris *fathah* pada (ة). Maka jadilah perkataan (وَالْعُمْرَةَ) sebagai *maf'ul bih* kepada perkataan (وَأْتَمُوا) lalu dihukum dengan *naṣb* : Allah memerintahkan untuk menyempurnakan haji dan umrah. Pada kalimah ini seluruh jumhur ulama' mengatakan bahawa ianya adalah Qiraat *Mutawatirah* yang bermaksud menunaikan ibadah umrah adalah wajib disisi mereka sama seperti menunaikan fardhu haji.
2. (وَالْعُمْرَةَ) dibaca dengan baris *dammah* pada (ة). kalimah (وَالْعُمْرَةَ) menjadi *mubtada'* dan kalimah (الله) menjadi *khobar*. Pada kalimah ini terdapat beberapa imam qiraat menyatakan ianya adalah Qiraat *Syadhdhah* yang bermaksud menunaikan umrah adalah sunnah. Antaranya ialah bacaan oleh Sya'bi dan Abu Hiwah dan juga daripada As'mai' daripada Nafie' daripada Zalqazaz daripada Abu 'Amru daripada al-Kisaei daripada Abu Ja'far. Ianya juga daripada Ibnu Mas'ud dan khilaf bersamanya iaitu Abi Razin dan Hasan al-Basri.

6.3 Kesan Bacaan Qiraat Terhadap Hukum Menurut Pandangan *Fuqaha'*

1. Mazhab Syafie Dan Hanbali

Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali menggunakan Qiraat *Mutawatirah* yang mana dibaca dengan (وَالْعُمْرَةَ) bermaksud menunaikan ibadah umrah adalah wajib disisi mereka sama seperti menunaikan fardhu haji. Hal ini kerana diambil daripada riwayat Marwi daripada Ali daripada Ibnu 'Amru daripada Ibnu Abbas daripada A'ta' daripada Mujahid dan selain daripadanya. Riwayat daripada Abu Hanifah adalah wajib menunaikan umrah sepertimana melakukan ibadah haji. Kedua-dua mazhab ini berhujah dengan menggunakan sepotong hadith Rasulullah saw :

... دَخَلَتِ الْعُمْرَةَ فِي الْحَجِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: ...Umrah telah masuk ke dalam haji sehingga hari kiamat.

(Sahih Muslim. No Hadis 1241)



2. Mazhab Hanafi dan mazhab Maliki

Mazhab Hanafi dan mazhab Maliki menggunakan qiraat syazah yang dibaca dengan (وَالْعُمْرَةَ) bermaksud menunaikan ibadah umrah adalah sunat dan bukanlah wajib disisi mereka. Hal ini kerana diambil daripada riwayat Ibnu Mas'ud, Jabir bin Abdullah. Kedua-dua mazhab ini telah menyatakan umrah adalah sunat dan ibadah haji adalah wajib, kerana berdasarkan firman Allah:

﴿وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ﴾

Maksudnya: Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji. Nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.

(Surah al-Hajj 22: 27)

Kedua-dua mazhab ini juga mengambil hadith Rasulullah SAW sebagai hujah mereka iaitu :

الْحُجُّ جِهَادٌ وَالْعُمْرَةُ تَطَوُّعٌ

Maksudnya: Haji adalah jihad dan umrah adalah sunat.

(Ibn Majah, daif. No Hadis 2989).

6.4 Pandangan Yang Rajih

Pandangan yang paling rajih adalah pandangan Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali. Hal ini kerana terdapat banyak dalil bagi mewajibkan mengerjakan umrah daripada mengerjakan haji. Akan tetapi pandangan yang mewajibkan mengerjakan haji hukumnya tetap wajib bagi hanya orang yang berkemampuan sahaja (Wahbah al-Zuhaili, 2013)

7. KESIMPULAN

Qiraat *mutawātirah* dan *syādhah* mempunyai persamaan dari aspek peranannya dalam tafsir al-Quran. Kedua-duanya memberikan kesan kepada makna ayat, penentuan hukum fiqh dan perbincangan tentang *i'rab* dan ilmu tatabahasa arab. Sebagaimana qiraat *mutawātir* menjadi sandaran dan hujah dalam pemahaman ayat dan penetapan hukum, qiraat *syādhah* juga dianggap sebagai sumber tafsir dan fikah.



RUJUKAN

- Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli. (2005). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Syria: Dar al-Fikr.
- Daud, M. b. (2012). Metodologi Pentafsiran Ayat Al-Ahkam Dalam Al-Tafsir Al-Munir karangan Wahbah Al-Zuhaili. Universiti Malaya: Akademi pengajian Islam.
- Abdul Hafiz Abdullah. (2018). Penulisan Ilmiah Berkaitan Ilmu Qiraat Di Malaysia : Suatu Tinjauan Awal. Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd al-Hayy al-Farmawi. (1977). *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawdhu'i*. Mesir: Maktabah Jumhuriyyah.
- Al-'Adawi, H. H. (2006). *al-Qiraat al-Shadhdhah : Dirasah Sawtiyyah wa Dalaliyyah*. Tanta: al-Jami'ah al-Suriyyah.
- al-Dhahabi, M. H. (2000). *Al-Tafsir wa al-Mufassirin*. Al-Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Dahin, A. b. (20 Februari, 2011). *Wahbah al-Zuhaili al-alim al-Faqih al-Mufassir*. Retrieved from http://www.alukah.net/literature_language/0/1721
- Al-Jasas. (2013). *Tafsir Ahkam Al-Qur'an*. Jakarta: Pustaka al-Kutsar.
- Dr Mustafa Al Khin, Dr Mustafa al-Bugha, & Ali Asy-Syarbaji. (2000). *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Damshiq: Darul Qalam.
- Alifuddin, M. (2009). *Sejarah Dan Pengantar Ulum Al-Qura*. Kendari : Yayasan Sipakaarenmu.
- Al-Nuwayri, A.-Q.-D. (2003). *Sharh Tayyibat al-Nash fi al-Qiraat al-'Ashr*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sabuniy. (1979). *Safwat al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Sabuniy.
- al-Saghir, M. (1999). *al-Qiraat al-Syazah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Fath al-Qawi al-Matin. (1997). *Athar al-Qiraat Fi al-Fiqh al-Islami*. Riyadh: Adwa' al-Salaf.
- Hajah Noresah bt. Baharom. (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Salleh Mohd Faiz Hakimi Mat Deris, Normadiah Daud Abdillah Hisham Abd Wahab, & Daud Ismail. (2017). Khilaf Qiraat Mutawatirah : Satu Analisa Pada Ayat Haid Dari Aspek Peranan, Perkaitan Dan Pertalian Pada Hukum Fiqh. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 14.
- Hasanuddin. (1995). *Perbezaan Qiraat Dan Pengaruhnya Terhadap Istinbat Hukum Dalam Al-Quran*. Jakarta: Rajawali Press.
- Hashim bin Mohamed Al-Khred. (2000). *Manasik Haji dan Umrah Amalan Nabi-Nabi*. Johor.
- Ibn al-Jazari, M. (1994). *Tayyibat al-Nashr fi Qiraat al-'Ashr*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Huda.
- Ikmal Zaidi. (2016). *Tawjih al-Qiraat Dan Kesannya Terhadap Penafsiran Ayat-Ayat Mengenai Akidah : Sumbangan Sheikh Nawawi Banten Dalam Mar'ah Labid*.
- Ismail, S. M. (1986). *al-Qiraat Akhamuha wa Masdaruha*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Iyazi, M. A. (1373). *Al-Mufasssirun Hayatuhum wa Manhajuhum*. Tehran: Muassasah al-Taba'ah wa al-Nasr Wazarat al-Thaqafah wa al-Irshad al-Islami.

- Jalaluddin Al-Suyuthi. (1996). *Al-Itqan fi 'Ulumul Qur'an*. Beirut: Muassasah al-Kutub as-Tsaqafiyyah.
- Jazari, M. B. (2001). *Al-Nashr fi al-Qiraat al-'Asy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alimiah.
- Kalthum, L. U. (2013). *Pencantuman Ragam Qiraat Dalam Literatur Tafsir*. Jakarta: Fakultas Usuludin Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Kirar, ' . S. (2003). *Athar al-Qira'at fi Istinbat al-Ahkam al-Fiqhiyyah*. al-Qahirah: Mu'assasat al-Mukhtar li al-Nashr wanal-Tawzi'.
- Mani' 'Abd Halim Mahmud. (2006). *Metodologi Tafsir: Kajian Komprehensif Metode Para Ahli Tafsir*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Faizah Ali. (2008). *Pengaruh Qiraat Terhadap Penafsiran*. Jakarta: Syarif Hidayatullah.
- Muhammad Arif Ahmad Fari. (1998). In *Manhaj Wahbah al-Zuhayli fi Tafsirihi li a-Quran al-Karim "al-Tafsir al-Munir"*. Universiti al-Bayt.
- Wahbah az-Zuhaili. (1997). *Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wahbah Khallaf. (2018). *Fikih Empat Mazhab Praktis*. Jakarta: Ummul Qura'.
- Wan Hakimin. (2017). *Pengaruh Qiraat Terhadap Pembentukan Hukum Dalam Mazhab al-Syafie*. 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC) Shah Alam, 15 November 2017.
- H.M. Nawawi Muhammad (1995). *al-Quran Sebagai Sumber Hukum. Dalam, Percikan Nilai Dari al-Quran*. Percetakan Datuk Felix Golingi : Sabah.
- Muhammad, Mushthafa Muslim (2010). *At-Tafsir al-Maudhu'i Lisuwar al-Qur'an al-Karim*. Jilid 1. Sharjah: University of Sharjah.
- Shamshul Kamar, M. Z., A.Adi, M. F. ., Saad, S. ., Muhammad Radhi, H. ., & Arifin Md Tahir, M. Z. . (2021). Relevansi Qirāāt dan Implikasinya Terhadap Hukum Fiqh : Satu Pengenalan: The Relevance of Qirāāt and Its Implications for Hukm Fiqh: An Introduction. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(1), 26–34. Retrieved from <https://qiraat.kuis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/6>